

UMS bakal jadi hab pendidikan Industri Minyak dan Gas Timor-Leste

DE 2-4-2014 2

KOTA KINABALU: Perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Republik Demokratik Timor-Leste dalam bidang minyak dan gas memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kerajaan terhadap keupayaan UMS dalam industri ini.

Menerusi perjanjian ini, UMS

akan membekalkan kepakaran menerusi Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) dengan menyediakan pengajian berasaskan minyak dan industri.

Kerjasama yang dimeterai bakal menjadikan UMS sebagai hab pendidikan minyak dan gas bagi Republik Demokratik Timor-Leste

dan dalam hal ini ia mampu memanfaatkan kedua-dua belah pihak.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, kerjasama antara kedua-dua pihak menambah erat hubungan sedia ada yang dimulakan lewat tahun 2012 menerusi kunjungan hormat pada hujung bulan Januari

2014.

“UMS akan bekerjasama dan membantu kerajaan Timor-Leste dalam banyak bidang yang akan memberikan manfaat bagi kedua-dua pihak,” kata beliau semasa sidang media yang berlangsung di Bangunan Canselori, UMS minggu lalu. - Bernama